

22/07/1999

Kadar panggilan jauh dijangka lebih murah

Wan Sabariah Shikh Ali

KADAR panggilan telefon jarak jauh dalam negara dijangka turun sehingga 30 sen seminit daripada purata RM1 pada masa ini dalam tempoh dua tahun, kata Ketua Eksekutif Telekom Malaysia Bhd, Datuk Mohamed Said Mohd Ali.

Menurutnya, Telekom sedang melaksanakan projek mengurangkan kos panggilan jarak jauh yang pada masa ini dalam lingkungan 50 sen hingga RM1.95 seminit.

Mohamed Said berkata, pengurangan kos itu boleh dilaksanakan menerusi penggunaan teknologi moden dan memanfaatkan sumber serta kekukuhan kedudukan Telekom pada masa ini.

"Jika kita tidak mengambil langkah ini (mengurangkan kos), apa akan jadi kepada Telekom? Banyak alternatif lain akan mengambil tempat, misalnya kemudahan telefon Internet (Internet Telephony).

"Jika kita mampu melakukannya, kita berupaya mengagihkan manfaatnya kepada lebih ramai orang daripada kemudahan telefon Internet," katanya pada pertemuan dengan beberapa media mengenai Dialog Antarabangsa Langkawi 99 di Kuala Lumpur, semalam.

Telekom adalah penaja utama dialog itu yang akan diadakan di Langkawi pada 25 hingga 28 Julai ini.

Menurutnya, kadar panggilan jarak jauh di Amerika Syarikat kini mengalami penurunan yang begitu banyak iaitu dari 15 cent kepada 12 cent, 10 cent dan minggu lalu sebuah syarikat telekomunikasi negara itu, Quest, menawarkan kadar 5 cent seminit.

Mohamed Said berkata, penurunan itu lebih mudah bagi syarikat telekomunikasi di Amerika Syarikat yang hanya mengendalikan operasi jarak jauh, manakala Telekom mengendalikan kedua-dua operasi tempatan dan jarak jauh.

Syarikat telekomunikasi berkenaan, katanya, lebih mudah membuat perubahan dari segi memodenkan peralatan dan menukar perisian berbanding Telekom.

Mohamed Said berkata, industri telekomunikasi amat menarik kerana pelbagai perubahan teknologi sedang berlangsung sekarang.

Menurutnya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggambarkan keadaan industri itu apabila menyatakan bahawa sistem telefon lama kini bertukar kepada sistem multimedia dan masyarakat sedang bertukar daripada masyarakat komunikasi kepada masyarakat informasi.

Mengenai perkembangan rancangan Telekom bersama United Engineers (Malaysia) Bhd (UEM) untuk mengambilalih saham syarikat Malaysia yang sebelum ini didagangkan di Central Limit Order Book (Clob), beliau berkata:

"Butir terperinci sedang disiapkan untuk membolehkan permohonan rasmi dibuat. Bagaimanapun, bila ia akan dikemukakan tidak boleh diberitahu sekarang," katanya.

Telekom dan UEM mengumumkan pada 1 Julai lalu hasrat untuk mengambilalih saham Clob yang dipegang 172,000 pelabur menerusi penubuhan syarikat jentera khas.

(END)